

10 FEB 2003

Haji-Wukuf

JEMAAH HAJI BERWUKUF DI ARAFAH DALAM AMAN

Oleh: Othman Shafie

ARAFAH, 10 Feb (Bernama) -- Dengan berpakaian umrah serba putih dan berbaris rapi di khemah-khemah dan di tengah padang Arafah, kira-kira 2.5 juta umat Islam mulai wukuf dalam menunaikan rukun haji.

Di perkhemahan Muassasah Asia Tenggara di tapak yang dikhaskan, jemaah haji Malaysia, tidak terkecuali seorang pun walau yang sakit dan uzur turut berwukuf.

Ketua rombongan haji Malaysia, Datuk Dr Haji Azmi Haji Ahmad berkata, Tabung Haji turut memastikan warga emas (tua dan uzur) diangkut ke Arafah dengan bas dan 240 yang sakit diangkut ke Arafah oleh ambulans Tabung Haji, semalam.

Katanya ini adalah pembaharuan yang dibuat oleh Tabung Haji bagi memastikan semua jemaah sama ada warga tua dan yang sakit dapat menunaikan haji.

Tabung Haji juga akan mengangkut mereka ke Mina malam ini dan akan mengupah petugas Haji untuk melontar jamrah bagi pihak mereka.

Yang terlalu uzur akan diusung bagi memastikan mereka dapat melontar ketiga-tiga jamrah pada 2 hari Tashrik, 12 dan 13 Feb (11 dan 12 Zulhijjah).

Dr Azmi berkata sehingga Asar petang ini hanya 36 kematian berlaku di kalangan jemaah haji Malaysia berbanding 56 orang musim lalu dalam tempoh yang sama.

Zuhur tadi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin menyampaikan khutbah Arafah dan mengimamkan solat Zuhur.

Dalam khutbahnya, beliau berkata, Allah mengangkat umat Islam ke taraf yang tinggi sebagai tetamu Allah ke Tanah Suci.

Oleh itu umat Islam perlu menginsafi diri dan memelihara kedudukan mereka dengan iman dan taqwa.

Katanya, Barat sebaliknya meletakkan manusia begitu kecil dan tidak penting kerana mereka melihat manusia daripada segi kebendaan semata-mata.

Sementara itu, Dr Azmi berkata tidak ada perubahan di dalam rancangan pergerakan jemaah haji Malaysia dan segala operasi berjalan lancar.

Katanya keluarga jemaah haji di tanah air tidak perlu bimbang kerana keadaan begitu aman dan tenteram dan jemaah dapat melaksanakan semua rukun Haji dengan baik.

Esok ialah 10 Zulhijjah atau Hari Nahar atau Hari Raya Korban di Tanah Suci dan semua jemaah haji meneruskan ibadah mereka di Mina dan Mekah untuk menyelesaikan kerja haji mereka.

Seperti dirancang, kata Dr Azmi penerbangan pertama yang membawa jemaah haji Malaysia pulang akan berlepas pada 17 Feb dan tiba di Kuala Lumpur 18 Feb.

Beliau meminta umat Islam di Malaysia mendoakan agar semua jemaah haji sihat dan dapat pulang ke tanah air.

Beliau turut mengucapkan Selamat Hari Raya kepada pemimpin negara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan seluruh umat Islam di tanah air.

-- BERNAMA

OS SSA RHM